



Seng Kok (tiga, kiri) menerima sijil pengiktirafan daripada wakil Malaysia Book of Record sambil disaksikan Elizabeth (tiga, kanan).

## GM Klang terima anugerah

SHAH ALAM - Pusat Pemborong GM Klang melakar sejarah apabila diiktiraf sebagai Pusat Pemborong terbesar di Malaysia oleh Malaysia Book of Record.

Majlis penyampaian anugerah tersebut berlangsung seiring dengan Majlis Anugerah MPK Care yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Pengarah Urusan Pusat Pemborong GM Klang, Datuk Lim Seng Kok ketika ditemui, menyatakan rasa berbesar hati menerima pengiktirafan berkenaan.

"Anugerah ini bukan sahaja dapat memberikan reputasi yang baik kepada Pusat Pemborong GM Klang setelah berkecimpung di dalam industri borong selama 9 tahun, malah dalam masa yang sama telah mengharumkan nama Klang Bandar Diraja dan menjadikan ia tempat menarik untuk dilawati warga tempatan

serta pelancong luar negara.

Terima kasih juga kepada pihak MPK kerana sentiasa memberikan sokongan kepada Pusat Pemborong GM Klang selama ini" katanya ketika ditemui selepas Majlis Anugerah MPK Care, semalam.

Anugerah disampaikan wakil Malaysia Book of Record dengan disaksikan Exco Selangor, Elizabeth Wong.

Mengulas lanjut, Seng Kok berkata, pengiktirafan tersebut bakal menjadi batu loncatan kepada pihaknya dalam usaha merealisasikan hasrat menjadikan GM Klang sebagai pusat pemborong sehenti paling komprehensif di Asia Tenggara.

"Kita tak lupa sasaran kami belum tercapai. Kita akan terus maju sebab kita baru siapakan Blok B fasa ketiga. Kita ada banyak lagi fasa-fasa pada masa akan datang," katanya.